

SIARAN MEDIA

PERUNTUKAN LEBIH RM3.64 JUTA UNTUK PROJEK PEMBANGUNAN DI LABUAN

LABUAN, 22 Mac - Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, KKDW memperuntukkan RM3.64 juta untuk pelbagai projek pembangunan infrastruktur, kemudahan awam dan perumahan khusus kepada rakyat di Labuan tahun ini.

Menurut Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, antara projek yang dilaksanakan oleh Pejabat KKDW Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan ini termasuk 20 projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) bernilai RM1 juta dan Program Ameniti Sosial (PAMS) bernilai RM500 ribu untuk 10 projek.

“20 projek lagi untuk Bina Baharu Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dengan peruntukan RM1.54 juta bagi setiap sebuah rumah berkeluasan 660 persegi yang mempunyai 3 bilik, 1 tandas dan 1 bilik air bernilai RM77 ribu.

Manakala RM600 ribu disediakan untuk Baik Pulih PPRT yang merangkumi 30 projek.” katanya.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) juga berkata Kementerian melalui KEMAS memperuntukkan RM116,900 untuk pembangunan komuniti meliputi program Hari Kebesaran Islam, Kampung Mandiri, Jom Masuk Kampung, Kem Eksplorasi Belia, Kembara Merdeka, Sahabat Komuniti Desa, Sukarelawan Prihatin, Projek Rakan Kebun, Pakej Latihan Keusahawanan, serta Promosi dan Pemasaran.

“Sebanyak RM123,500 lagi diperuntukkan untuk pendidikan kemahiran meliputi program Sijil Kemahiran Malaysia-Penilaian Pencapaian Terdahulu (SKM-PPT), Quick Win, Program Promosi Kemahiran, Kursus Kemahiran Jangka Pendek dan Perolehan Peralatan.

Majlis Amanah Rakyat, MARA pula memperuntukkan RM1.37 juta untuk Pembiayaan Perniagaan dan RM65 ribu lagi bagi Pembangunan Usahawan di Labuan“

Datuk Seri Zahid berkata demikian di Majlis Iftar Santunan Kasih Ramadan di Masjid Al-Sultan Abdullah Kampung Sungai Dedaun, di sini hari ini.

Pada majlis sama, beliau menyerahkan sumbangan dari Yayasan Pelajaran Mara untuk program *'Back to School'* kepada 70 pelajar sekolah rendah dan menengah sebanyak RM100 seorang dan untuk Pendidikan Tertiar bagi Program Matrikulasi berjumlah RM12,000.

Turut disampaikan bantuan peralatan program *'Quick Win'* Seni Tangan KEMAS berjumlah RM30,000 kepada 10 penerima.

Manakala RM300 ribu pula kepada 37 penerima Program Peningkatan Pendapatan yang merangkumi bidang perikanan, penyediaan makanan dan perkhidmatan jahitan pakaian oleh GIATMARA Labuan

Datuk Seri Zahid turut menyumbang wang tunai sebanyak RM200 kepada 400 pelajar tahfiz dan Asnaf dengan jumlah RM80,000.

Dalam pada itu, lebih dua ribu komuniti setempat diraikan di Majlis Santunan Kasih Ramadan anjuran Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

Program iftar yang memasuki tahun kedua penganjuran, akan turut diadakan di Pendang, Kedah; Kuala Langat, Selangor dan berakhir di Bagan Datuk, Perak.

- TAMAT-

**Disediakan Oleh
Unit komunikasi Korporat
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
23 Mac 2024**